
**KEPADA : PELAJAR BAHARU ASASI DAN DIPLOMA SPACE UTM
YANG MENETAP DI LUAR KAMPUS**

TARIKH : 10HB OGOS 2024

**PERKARA : PEMAKLUMAN PENGANGKUTAN PELAJAR LUAR
KAMPUS KE SESI PENKULIAHAN**

Pelajar baharu Asasi dan Diploma SPACE UTM
yang menetap di luar kampus,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, satu mesyuarat bertarikh 07 Ogos 2024 telah diadakan oleh Pejabat TNCHEPA bersama dengan SPACE, Bahagian Keselamatan UTM dan UTM Fleet berkaitan dengan permohonan kebenaran khas pelajar tahun satu membawa kenderaan ke dalam kampus. Setelah mengambil kira semua perkara dan peraturan yang telah ditetapkan oleh UTM, pejabat TNCHEPA memutuskan bahawa pelajar tahun 1 tidak dibenarkan membawa kenderaan ke dalam kampus. Walau bagaimanapun, mesyuarat bersetuju dengan cadangan supaya pelajar baharu yang menginap di luar kampus meletakkan kenderaan mereka di ruang parkir V01 dan menaiki bas UTM bagi menghadiri aktiviti PdP di dalam kampus.

3. Berikutan itu, bermula pada 12 Ogos 2024 pelajar baharu yang menginap di luar kampus boleh meletakkan kenderaan di ruang parkir Khas UTMSPACE di Taman Universiti bersebelahan dengan blok V01 dan juga ruang parkir di blok V01. Walau bagaimanapun ruangan parkir di blok V01 adalah terhad dan tertakluk kepada kelulusan pihak atasan UTM. Pelajar boleh menunggu dan menaiki bas UTM di blok V01 dengan mengikuti jadual pergerakan bas seperti lampiran. Pergerakan bas adalah secara terus dari V01 hingga ke T06 bermula dari 12 Ogos 2024 hingga 30 September 2024 sahaja. Manakala bulan Oktober dan seterusnya, pihak UTM Fleet akan mengeluarkan jadual pergerakan yang baharu.

4. Selain itu, SPACE UTM juga ada menyediakan perkhidmatan Van sebagai tambahan kepada perkhidmatan bas UTM bagi memudahkan pergerakan pelajar untuk ke sesi PdP di blok T06 dan T05. Sebarang pertanyaan berkaitan pengangkutan pelajar boleh menghubungi UTM FLEET di talian 07-5530042 / 019-7293154 atau menghubungi wakil UTMSPACE Pn.Norain di talian 012-7971067.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Yang menjalankan amanah,

**Bahagian Aset dan Fasiliti UTMSPACE
Johor Bahru**

- sk
- Pengerusi Bahagian Pengurusan Aset, UTM
 - Dekan, SPACE UTM
 - Timbalan Dekan (Pembangunan) SPACE UTM
 - Timbalan Dekan (Akademik) SPACE UTM
 - Pengarah, Seksyen Penyelenggaraan Fasiliti dan Infrastruktur, Jabatan TNCP UTM
 - Pengarah, Seksyen Keselamatan, Jabatan TNCP UTM
 - Ketua Pentadbiran, Pejabat TNCHEPA UTM
 - Ketua Pentadbiran, UTM Fleet
 - Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan Elektrik
 - Pengurus Besar Pusat Asasi dan Ijazah SPACE UTM
 - Pengurus Besar Pusat Pengajian Diploma SPACE UTM
 - Pengurus Kanan Bahagian Hal EHwal Pelajar dan Alumni SPACE UTM
 - Pengurus Bahagian Aset dan Fasiliti UTMSPACE
 - Pengurus Fasiliti Fakulti Kejuruteraan Elektrik
-

1. JADUAL PERGERAKAN BAS V01 – T08

BAS H

ON-CAMPUS SHUTTLE BUS SERVICES - DRIVER DETAIL

ROUTE : FBME (V01) TO KLUSTER (T08)
(VIA: CP - JLN AMAL - KTC - KLUSTER)

FROM V01	↔	FROM CLUSTER (T08)
<i>MORNING</i>		
7 30		8 00
8 30		9 00
<i>AFTERNOON</i>		
12 40		13 10
13 40		14 10
<i>EVENING</i>		
<i>no service</i>		17 00
17 30		18 00

IMPORTANT INFORMATION

- *Bus services are not available on Friday, Saturday & Public Holidays.
- *The time of arrival may not be accurate due to traffic.

*Bermula dari 12 Ogos 2024 hingga 30 September 2024.

2. PETA DAN GAMBAR KAWASAN PARKIR.



